

19/09/2004

Jangan musnahkan parti angkara politik wang

PANASNYA pertikaman lidah di Majlis Taklimat Pembanterasan Politik Wang bagi Zon Utara di Stadium Indera Mulia, Ipoh kira-kira dua minggu lalu, masih terasa bahangnya hingga ke hari ini.

Kalau pun reaksi perwakilan Umno pada siri taklimat serupa di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) beberapa hari sebelumnya dapat dijadikan bayangan, apa yang berentetan di Ipoh itu harus amat merimaskan.

Di sana-sini, orang masih bercakap mengenainya. Malah, dari Putrajaya hingga ke Labuan, ia menjadi buah mulut betapa politik wang yang mahu dibanteras menjelang Perhimpunan Agung Umno bermula Khamis ini, tidak akan semudah dicita-citakan.

Hakikatnya ialah wang masih bertukar tangan, sama ada secara sembunyi-sembunyi atau terang-terangan.

Deretan kes yang dihadapkan kepada Lembaga Disiplin Umno, yang sama ada disudahi dengan penggantungan atau amaran, sekadar mengesahkan keadaan itu.

Di sebalik segelintir yang mengalu-alukan, nampaknya ramai lagi yang mempersendakan. Antaranya, Lembaga Disiplin yang bertindak atas laporan individu atau maklumat ejen perisikan, turut dimomokkan sebagai memilih bulu dan berkepentingan.

Pada masa yang sama, khabar angin juga berleluasa. Baik melalui surat layang, e-mel atau khidmat pesanan ringkas (SMS), bermacam-macam tohmahan dilemparkan.

Mereka yang didakwa terbabit dengan amalan politik wang tidak pun bersempadan di antara calon Naib Presiden, Majlis Tertinggi (MT) mahupun sekadar untuk menjadi perwakilan ke perhimpunan agung menerusi mesyuarat bahagian sebelumnya.

Barangkali hanya mereka yang sudah diumumkan memenangi jawatan masing-masing tanpa bertanding, terkecuali daripada menjadi sasaran tohmahan dan cemuhan.

Benarlah, wang apabila dihulurkan sebagai tukaran untuk sokongan - tidak semua pula yang boleh meyakini pulangan diharapkan - boleh mengubah wajah-wajah manusia.

Stadium Indera Mulia turut menyerlahkan bagaimana ketertiban dan kesantunan dilontar jauh. Beberapa pemimpin yang berucap, disanggah ketika belum pun apa yang ingin disampaikan, menghampiri penghujung.

Seorang demi seorang perwakilan menerpa ke mikrofon, tanpa salam, tanpa urutan penghormatan, disambut sorakan yang lain. Mereka meluahkan isi hati tanpa kesopanan dan kesusilaan.

Bukan menghairankan apabila dua tiga menteri yang hadir dilihat meninggalkan majlis dalam keadaan tergesa-gesa - bercampur-baur di antara rasa malu dan marah.

Inikah wajah sebenar Umno yang hendak ditampilkan?

Dari satu sudut barangkali ada benarnya hujah Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad, bahawa perwakilan yang lantang memberi komen negatif terhadap usaha parti untuk membanteras politik wang adalah mereka yang 'mencari makan' dengan cara itu.

Apatah lagi dengan perhimpunan kali ini tertanggung setahun agar segenap usaha boleh ditumpukan terhadap pilihan raya umum, mungkin ada antara mereka yang berasa 'laba' yang dicari harus dioptimumkan.

Dari sudut berbeza pula, harus tidak silap juga perwakilan yang sudah muak dipersalahkan kerana politik wang berkesinambungan pada ketika mereka

sekadar menjadi penerima selagi ada atau ramai yang masih sanggup memberi. Ringkasnya, suburnya amalan politik wang - sama seperti suapan, sogokan atau rasuah - adalah kerana ramainya pemberi dan penerima.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dalam ucapan dasar sulungnya sebagai Presiden Umno pada pagi Khamis ini, tentunya akan turut memberi penekanan terhadap perlunya gejala ini terus diperangi hingga ke akar umbi.

Selama tiga hari ini, Pak Lah mengosongkan jadualnya daripada sebarang atur cara rasmi untuk mengolah ucapannya demi memberi mesej yang jelas dan tegas terhadap hala tuju Umno yang berpaksi kepada integriti.

Umum harus masih mengingati ucapan berapi-api Tun Dr Mahathir Mohamad dalam menghamburkan kemarahan dan kekecewaan terhadap berleluasanya gejala politik wang ketika merasmikan Perhimpunan Agung Umno 1996 yang berbunyi:

"Tolak dan tumbangkan mereka sebelum mereka menumbangkan parti kita yang tercinta ini, sebelum mereka menggagalkan gerakan reformasi kita yang bermatlamat mewujudkan Tamadun Melayu/Bumiputera Baru."

Pak Lah, dengan agenda besarnya untuk memerangi rasuah di segenap peringkat sejurus mengambil alih sebagai Perdana Menteri pada penghujung Oktober tahun lalu, boleh dijangkakan mengulangi ketegasan serupa.

Apakah ia akan bersahut dengan cara sepatutnya, terpulanglah kepada masing-masing individu untuk membuat andaian dan kesimpulan.

Untuk kekal sebagai wadah perjuangan bagi memartabatkan kedudukan orang Melayu dalam semua bidang, Umno perlu dipastikan kekal sebagai parti yang kukuh dan bersih - dengan menyisihkan pemimpin korup.

Dalam pada itu, Sang Lamri turut akur bahawa pembersihan Umno akan membabitkan satu proses yang panjang dan beransur-ansur dengan iltizam yang cukup kuat tanpa mengenal putus asa.

Biarlah perhimpunan agung kali ini menjadi titik tolak seterusnya agar Umno - melainkan segelintir pembawa lumpur - terhindar daripada dipersendakan.

(END)